


**BAHAGIAN A**  
**JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA**  
**[50 MARKAH]**

- 1 Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Encik Lim dengan Encik Fadli




- (a) Terangkan **dua** jenis bentuk pemilikan perniagaan yang dicadangkan oleh Encik Fadli [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** aspek untuk menentukan klasifikasi perniagaan tersebut. [2 markah]
- (c) Berikan **empat** kelebihan perniagaan bersaiz sederhana. [4 markah]
- 2 (a) Terangkan **tiga** peranan kerajaan pusat dalam aspek perundangan. [6 markah]
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan merupakan pelaksana dasar pada peringkat umbi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan.  
 Nyatakan **empat** peranan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. [4 markah]

- 3 Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan dua jenis pengangguran.

Struktur Ekonomi Negara	
Sektor Utama	Sektor Kedua
-melibatkan aktiviti pengekstrakan sumber Contoh : Perlombongan, pertanian	- melibatkan pemprosesan bahan menghasilkan barang siap - Contoh : Perkilangan, Pembinaan

Rajah 1

### Pertumbuhan Ekonomi dan Kitaran Perniagaan



Rajah 2

- (a) Nyatakan **dua** jenis pengangguran yang mungkin wujud seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2 [2 markah]
- (b) Terangkan **kedua-dua** jenis pengangguran yang anda nyatakan di 3 (a). [4 markah]
- (c) Apakah **Langkah** yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi setiap jenis pengangguran berkenaan. [4markah]
4. Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan


Kamal berhasrat menjual nasi dagang sedap dan murah secara COD di sekitar Kuantan. Namun begitu, masalah utamanya adalah beliau tiada latihan khusus dari aspek pengurusan kewangan, stok, dan pemasaran agar perniagaannya nanti tidak menghadapi masalah

- a) Apakah **enam** kepentingan faktor penyumbang tersebut kepada Kamal. [ 6 markah ]
- b) Nyatakan bagaimana anda boleh membantu Kamal dalam aspek campuran pemasaran produknya. [ 4 markah ]

## 5. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Saliza

Puan Saliza merupakan seorang usahawan produk kecantikan. Selepas 10 tahun memulakan perniagaan, dia ingin mengembangkan perniagaannya ke pasaran antrabangsa. Hal ini menyebabkan perniagaannya memerlukan modal tambahan untuk mengeluarkan produk dalam kuantiti banyak bagi memenuhi permintaan pelanggan. Puan Saliza berhasrat untuk mendapatkan bantuan pembiayaan daripada agensi kerajaan.

- (a) Nyatakan **tiga** agensi kerajaan yang dapat membantu Puan Saliza mengembangkan perniagaannya. [ 3 markah ]
- (b) Terangkan **sebab** perniagaan mendapatkan pembiayaan daripada agensi tersebut. [ 3 markah ]
- (c) Nyatakan **prosedur** untuk mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan tersebut. [ 4 markah ]
- 6 (a) Huraikan **kelebihan** berniaga sebagai satu peluang kerjaya. [3 markah]
- (b) Mengapakah penyata kewangan **penting** kepada peniaga? [3 markah]
- (c) Rajah 3 menunjukkan titik pulang modal Warisan Dodol Melayu yang beroperasi di Kuala Ibai Terengganu



Rajah 3

- (i) Apakah Y? [ 1 markah ]
- (ii) Jelaskan kesan kepada Warisan Dodol Melayu sekiranya pengeluaran dodol berada di kawasan berlorek. [3 markah]

**BAHAGIAN B**JAWAB **DUA** SOALAN SAHAJA

[30 MARKAH]

- 7 Datin Seri Saadiah merupakan seorang bekas pengurus di sebuah syarikat. Setelah berhenti dari pekerjaannya, beliau bercadang ingin membuka perniagaan seperti dalam rajah berikut

**Gambar 2**

- (a) Cadangkan **tiga** bahagian fungsian yang paling sesuai diwujudkan oleh Datin Seri Saadiah bagi memastikan matlamat perniagaan beliau tercapai. [3 markah]
- (b) Jelaskan **dua** tujuan setiap bahagian dalam organisasi perniagaan yang dicadangkan. [6 markah]
- (c) Datin Seri Saadiah bercadang ingin membuka butik dalam talian dengan menggunakan media sosial. Pada pendapat anda, apakah **kelebihan dan kekurangan** penggunaan media sosial dalam menjalankan sesebuah perniagaan. [6markah]
- 8 Situasi di bawah menunjukkan seorang usahawan pemilik Syarikat Cuci-Cuci Enterprise yang mengeluarkan produk sabun pakaian berjenama "NgetopBersih".

- Encik Kamarul bercadang untuk mengeluarkan produk sabun mencuci pakaian berasaskan isi kelapa sawit untuk kegunaan harian.
- Produk tersebut telah dijual di sekitar Kuching dan telah mendapat sambutan yang baik.
- Beliau juga bercadang meluaskan pasaran produk tersebut ke seluruh negeri Sarawak dan juga atas talian@online.

Merujuk kepada situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Terangkan **tiga** sumber fizikal yang diperlukan oleh En. Kamarul [6markah]  
 (b) Jelaskan **dua** tujuan mengurus sumber fizikal . [4markah]  
 (c) Bagaimanakah prosedur mengurus sumber fizikal? [5markah]

- 9 (a) Jadual 1 menunjukkan maklumat kewangan Perniagaan Perabot Rotan Zahra

Perkara	Jumlah (RM)
Jualan	72000
Kos Jualan	36200
Untung kasar	35800
Aset semasa	50000
Liabiliti Semasa	3500

Jadual 1

Hitungkan peratus untung tokokan Perniagaan Perabot Rotan Zahra [3markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekiran perniagaan

Puan Chin dan Puan Sonam menjalankan perniagaan pengeluaran makanan segera semenjak lima tahun yang lalu di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang ,Johor. Pada awal perniagaan, mereka memasarkan produk di pasar raya di sekitar Pasir Gudang Sahaja. Setelah lima tahun beroperasi, aktiviti dan operasi perniagaan mereka semakin berkembang dan keuntungan semakin meningkat.

Jelaskan jenis trend persekitaran di atas. [7markah]

- (c) Terangkan **dua** gaya pengurusan yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan. [5markah]

**BAHAGIAN C**  
**SOALAN INI WAJIB DIJAWAB**  
**[20 MARKAH]**

10 ***Baca situasi berikut dengan teliti.***

Syarikat Majujaya Plastik Berhad merupakan syarikat usahasama antara Jaya Plastics Industries Berhad dengan Moon Plastics Industries yang berasal dari Negara China. Syarikat ini mengeluarkan pelbagai barangan plastik untuk pasaran tempatan dan pasaran antarabangsa.

Visi, misi dan objektif syarikat adalah seperti berikut :

<b><i>Visi</i></b>	Menjadi peneraju utama dalam pengeluaran barangan plastik di peringkat domestik dan antara bangsa
<b><i>Misi</i></b>	Menggabungkan teknologi kejuruteraan terkini dan inovasi untuk pembangunan dan pembaikan produk secara berterusan seiring dengan kemahuan pelanggan
<b><i>Objektif</i></b>	Mencapai keuntungan bersih berterusan sekurang- kurangnya 20% setahun

Syarikat Majujaya Plastik Berhad menggunakan teknologi terkini untuk menghasilkan barangan plastik dengan menggunakan mesin yang diimport dari Taiwan. Keluaran syarikat ini juga mendapat pengiktirafan SIRIM iaitu sebuah agensi kerajaan yang menetapkan standard untuk barang perkilangan buatan Malaysia.

Syarikat Majujaya Plastik Berhad akan membuka sebuah kilang baru dengan kos bernilai RM100 juta. Kilang ini terletak di Kawasan Perindustrian Gebeng di Pahang. Kawasan perindustrian ini dibangunkan oleh kerajaan negeri dan mempunyai kemudahan lengkap seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi. Bahan mentah kilang ini diperolehi dari Kemaman, Terengganu yang merupakan pusat pemrosesan petrokimia.

Produk syarikat merupakan produk pilihan utama di pasaran kerana faktor kualiti. Bahagian sumber manusia telah menubuhkan kumpulan pekerja yang dipanggil "Team Talk" untuk mengenalpasti masalah keluaran serta memberi cadangan kepada pihak pengurusan dalam meningkatkan kualiti produk. Penubuhan kumpulan ini didapati dapat meningkatkan motivasi dan kreativiti pekerja,

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Adakah Visi, misi dan objektif yang ditetapkan oleh Syarikat Majujaya Plastik penting kepada pihak pengurusan dan pekerja? Berikan alasan anda. [7markah]
- (b) Terangkan **dua** bantuan yang diterima oleh Syarikat Majujaya Plastik daripada agensi kerajaan. [6markah]
- (c) Jelaskan langkah yang boleh diambil oleh Syarikat Majujaya Plastik untuk melindungi hak atau kekuatan syarikat daripada dicuri atau ditiru oleh pesaing? [3markah]
- (d) Terangkan dengan memberikan contoh peranan yang telah dijalankan oleh bahagian sumber manusia Syarikat Majujaya Plastik. [4markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT-

